



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
Untuk Siaran Segera**

13 SEPTEMBER 2018

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA TIDAK AKAN BERKOMPROMI TERHADAP SEBARANG SALAH LAKU DAN ISU INTEGRITI

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Kerajaan baharu amat serius dalam memerangi rasuah yang melibatkan kakitangan di Kementerian ini, serta tidak akan berkompromi terhadap sebarang salah laku yang berlaku.
- 1.2. Baru-baru ini pihak SPRM telah menahan beberapa orang pegawai dan anggota JPJ berhubung kes rasuah dan salah guna kuasa bagi mengeluarkan lesen memandu tanpa mengikut prosedur pengeluaran lesen yang sah seperti yang telah ditetapkan oleh kerajaan (JPJ).
- 1.3. Sehubungan itu, MOT mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak SPRM kerana berjaya membongkar kegiatan sindiket ini. Bagi pihak kerajaan, saya menyerahkan kepada kebijaksanaan pihak SPRM dalam menjalankan siasatan dan membawa mereka-mereka ini ke muka pengadilan.
- 1.4. Kita akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada semua pihak sama ada PDRM maupun SPRM dalam membanteras gejala yang tidak bermoral ini.

2. LATAR BELAKANG KES TERBAHARU LESEN TERBANG

2.1.1. Tangkapan bermula pada **4 September 2018** oleh pihak SPRM sehingga kini.

2.1.2. Seramai **12 orang** pegawai dan anggota JPJ telah ditahan tempohari yang terdiri daripada:

- 1 orang Timbalan Pengarah Gred 44;
- 2 orang Penolong Pegawai Penguatkuasa KP29;
- 2 orang Ketua Pembantu Penguatkuasa KP22;
- 6 orang Pembantu Penguatkuasa KP19
- 1 orang Pembantu Tadbir N19


2.1.3. Tangkapan ini juga melibatkan pegawai dan anggota bagi negeri **Perlis, Perak, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak.**

2.1.4. Selain itu, beberapa individu yang dipercayai memegang lesen memandu yang tidak sah mengikut prosedur yang telah ditetapkan, telah dipanggil bagi membantu siasatan.

3. MODUS OPERANDI

3.1. Memproses maklumat pemohon dengan menggunakan **Prosedur Penukaran Lesen Memandu Luar Negara** sedangkan pemohon berkenaan tidak pernah berkunjung atau bekerja di luar negara serta tidak pernah memiliki lesen memandu di luar negara.

3.2. CARTA ALIR KES



Runner akan memaklumkan kepada pemohon lesen bahawa urusan telah selesai dan meminta baki bayaran.

Pemohon membuat bayaran penuh kepada runner

Lesen boleh dicetak dimana-mana lokasi apabila maklumat telah ada dalam sistem.

Lesen diserahkan kepada pemohon lesen oleh Runner

4. Bagi membendung aktiviti ini, JPJ sedang bekerjasama dengan pihak SPRM, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) PDRM dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC).
5. Aktiviti yang tidak bermoral ini memberikan implikasi dan impak negatif kepada negara antaranya adalah:

5.1. Ekonomi

5.1.1. Ketirisan hasil negara:

- Lesen kelas B – RM83/pemohon lesen
- Lesen kelas D – RM113/pemohon lesen

5.1.2. Pihak Institut Memandu tidak dapat menjana hasil;

- Lesen kelas B – RM709/pemohon lesen
- Lesen kelas D – RM1007/pemohon lesen

5.2. Sosial

5.2.1. Menghasilkan pemandu yang tidak kompeten dan sah;

5.2.2. Memberi kesan besar kepada kelestarian keselamatan jalan raya;

5.2.3. Melahirkan masyarakat yang tiada jati diri dalam melawan rasuah.

6. Langkah penambahbaikan untuk membendung gejala ini di masa hadapan:
 - 6.1. Kelulusan *conversion* secara *auto* hanya dibenarkan di JPJ negeri sahaja dan tidak lagi dibenarkan dibuat di JPJ cawangan.
 - 6.2. Kaedah *Conversion* akan diperhalusi lagi kaedah pelaksanaannya dan akan mempertimbangkan kaedah *Recognition* kepada lesen memandu asing selain daripada Kaedah *Conversion*.
7. Pihak Kementerian memberi peluang kepada pemegang lesen memandu yang terlibat dalam kegiatan ini untuk tampil kehadapan dan menyerahkan lesen memandu tersebut ke mana-mana Unit Integriti, JPJ Negeri .
8. Sementara itu, MOT akan menubuhkan Jawatankuasa Khas Siasatan Dalaman bagi menyiasat kes ini dan mana-mana pihak yang didapati memegang lesen memandu tanpa mengikut prosedur yang telah ditetapkan akan **dipanggil temusiasat** di bawah seksyen 114 APJ 1987. Jika didapati bersalah, boleh disabitkan kesalahan di bawah seksyen 108 APJ 1987 di mana hukumannya minima RM5000 atau penjara atau kedua-duanya sekali (RM5000 dan penjara).

-TAMAT-